

SULIT



**PERTUBUHAN KEGIATAN DAKWAH ISLAMIAH SEKOLAH-
SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(PEKDIS CAWANGAN KELANTAN)**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020

1223/1

PENDIDIKAN ISLAM

TINGKATAN 5

Kertas 1

Oktober

2 jam

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan.
3. Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan; Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.
Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian jawapan yang disediakan.
4. Tulis nama dan tingkatan anda pada ruangan yang disediakan di helaian kertas jawapan Bahagian A.
5. Ceraikan kertas jawapan Bahagian A daripada kertas soalan . Ikat jawapan bersama-sama helaian kertas jawapan Bahagian B dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah 1223/1]

Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

Orang yang berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hatinya tetap kufur kepada Allah

1. Apakah gelaran bagi orang yang mengamalkan sifat di atas ?

A Musyrik	C Munafik
B Murtad	D Fasik

2. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai kesan perbuatan riddah.
 - A Haram menerima harta pusaka dari waris beragama islam.
 - B Tidak boleh meziarahi keluarga yang beragama islam.
 - C Boleh dikebumikan di tanah perkuburan islam.
 - D Putus hubungan kekeluargaan dengan keluarga islam.

3. Pilih jawapan yang **tepat** mengenai prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - A Mengharuskan perkahwinan mut'ah
 - B Berpegang teguh dengan hadis dhaif
 - C Berpegang dengan prinsip salafussoleh
 - D Menghukum walaupun tiada bukti yang sahih

4. Antara yang berikut yang manakah **bukan** rukun taubat?
 - A Menginsafi balasan Allah.
 - B Menyesal terhadap maksiat yang dilakukan.
 - C Berhenti melakukan maksiat dengan segera.
 - D Berazam tidak akan mengulangi lagi kesalahan.

• Dilakukan selepas bermalam di Muzdalifah

• Dilakukan selepas tengah malam 10 Zulhijjah berlanjutan sehingga terbenam matahari 13 Zulhijjah.

5. Pernyataan di atas merujuk kepada waktu untuk melakukan ibadat _____
 - A wukuf di Arafah
 - B bermalam di Mina
 - C bermalam di Muzdalifah
 - D melontar Jamratul Aqabah

6. Antara berikut, yang manakah **benar** mengenai kadar akikah bagi anak lelaki dan anak perempuan.
 - A Dua ekor kambing bagi anak lelaki dan seekor kambing bagi anak perempuan
 - B Seekor kambing bagi anak lelaki dan seekor kambing bagi anak perempuan
 - C Seekor kambing bagi anak lelaki dan dua ekor kambing bagi anak perempuan
 - D Dua ekor kambing bagi anak lelaki dan dua ekor kambing bagi anak perempuan

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SULIT

7. Pembatalan ikatan perkahwinan disebabkan syarat-syarat tidak dipenuhi semasa akad nikah ialah _____

- | | |
|----------|----------|
| A zihar | C lian |
| B fasakh | D khuluk |

8. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai tujuan dibenarkan melihat bakal isteri?

- | | |
|------------------------|---------------------------|
| A Mengelakkan penipuan | C Mengikut adat |
| B Memuaskan nafsu | D Memuaskan hati ibu bapa |

9. Antara yang berikut yang manakah syarat sah korban ?

- | |
|---|
| I Binatang yang cukup umur |
| II Menghadapkan binatang ke arah kiblat |
| III Binatang sihat dan tidak cacat |
| IV Disembelih oleh orang islam |

- | | |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, II dan IV |
| B I, III dan IV | D II, III dan IV |

- Memberi kemudahan kepada orang yang memerlukan bantuan
 - Memberi peluang kepada umat islam mengembangkan ekonomi
 - Memberi jaminan kepada orang yang memberi hutang

10. Pernyataan di atas merujuk kepada _____

- | | |
|------------------|-----------------|
| A Hikmah sewa | C Syarat saham |
| B Hikmah gadaian | D Hikmah hutang |

11. Berikut adalah dasar-dasar pentadbiran Khulafa al-Rasyidin

- | |
|---|
| I Khalifah merupakan ketua negara |
| II Khalifah mendapat keistimewaan |
| III Undang-undang negara berdasarkan al Quran dan al-Sunnah |
| IV Rakyat boleh memberi pandangan dan teguran kepada pemimpin |

- | | |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C II, III dan IV |
| B I, II dan IV | D I, III dan IV |

12. Apakah institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan Bani Umayyah bagi mengurus semua pendapatan dan perbelanjaan negara?

- | | |
|-------------------|-----------------|
| A Istana khalifah | C Baitul Hikmah |
| B Bank Negara | D Baitul Mal |

13. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai al-Syeikh Muhammad Abduh.

- | |
|--|
| A Berasal daripada keluarga bangsawan |
| B Pernah menjadi mufti Kerajaan Arab Saudi |
| C Meninggal dunia di Iskandariah, Mesir |
| D Memperoleh ijazah dari Universiti Darul Ulum |

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SULIT

14. Perkara berikut adalah bukti kecintaan para khalifah Kerajaan Abbasiyah terhadap ilmu kecuali.

 - A menerima pembayaran jizyah dalam bentuk kitab
 - B mengenakan cukai kepada penulis-penulis cukai
 - C memberi hadiah kepada Kerajaan Rom berupa kitab perubatan dan falsafah
 - D menerima kitab-kitab sebagai tebusan terhadap tentera Rom yang ditawan

15. Tujuan utama Imam al-Bukhari membuat saringan dan kajian terhadap hadis yang diperolehi daripada ulama-ulama hadis untuk

- A membetulkan bacaan hadis
 - B memastikan kesahihan suatu hadis
 - C mengetahui isi kandungan hadis
 - D meneliti kehidupan perawi-perawi hadis

16. Bagaimanakah cara kita beriltizam dengan sunnah Rasulullah?

17. Perkara berikut merupakan perbuatan tidak beradab dengan Rasulullah SAW kecuali.

- A Mengasihi para sahabat baginda.
 - B Tidak mentaati perintah baginda.
 - C Bercakap-cakap ketika menziarahi makam baginda.
 - D Tidak mengucap selawat ketika nama baginda disebut.

18. Antara yang berikut, manakah yang **tidak benar** mengenai amalan sedekah.

- A Senyuman merupakan satu sedekah.
 - B Sedekah ialah amalan yang mulia.
 - C Bersedekah barang yang telah digunakan.
 - D Bersedekah akan mendapat pahala daripada Allah.

- Ikhlas dalam pemberian
 - Memberi barang yang disayangi
 - X

19. Pernyataan di atas mengenai adab memberi hadiah dan sedekah.

Antara yang berikut, manakah yang tepat mengenai X ?

- A Barang yang berharga. C Pujian daripada orang ramai.
B Niat kerana Allah. D Tidak mengungkit semula barang yang diberi.

20. Manakah yang berikut mengenai ciri *mauzatul hasnah* dalam berdakwah?

- | | | | |
|----|-------------------------------|-----|--------------------------------|
| I | kata-kata nasihat yang baik | III | kata-kata yang melunakkan hati |
| II | menunjukkan teladan yang baik | IV | mengamalkan semangat kerjasama |
| A | I, II dan IV | C | I dan II |
| B | II, III dan IV | D | II dan III |

[Lihat halaman sebelah

SULT

SULIT**Soalan 21 hingga Soalan 40***Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai*

21. Pengertian iman menurut Ahli Sunnah wal Jamaah ialah membenarkan di hati,
_____ dengan lidah dan beramal dengan anggota.

Melemparkan tuduhan kepada seseorang tanpa bukti

22. Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.
23. Penzina _____ yang disabitkan kesalahannya akan dikenakan hukuman direjam dengan batu sehingga mati.
24. Khawarij adalah golongan penyokong Syaidina Ali Bin Abi Talib r.a. yang berjuang menentang Muawiyah Bin Abi Sufian r.a. tetapi tidak menerima _____.
25. Golongan Syiah Zaidiyah beriktikad bahawa kedudukan pelaku dosa besar berada antara _____ dan kekufturan.

- Beriktikad bahawa jawatan imam adalah jawatan yang dianugerahkan oleh Allah seperti kenabian
- Menolak semua hadis yang bukan diriwayatkan oleh Ahli Bait
- Mengharuskan perkahwinan mutaah

26. Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan _____.

Soalan 27 hingga Soalan 29*Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan*


Insurans	Hutang	Riba	Saham
----------	--------	------	-------

27. Pertambahan dalam urusan jualbeli, hutang atau pinjaman serta pertukaran barang sejenis seperti matawang , emas perak dan makanan.
28. Satu kumpulan berikrar untuk mengumpul dan menggembung usaha serta sumber, bagi mengadakan pakatan untuk saling bekerjasama dan tolong menolong apabila ditimpa musibah.
29. Sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan.


[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT**Soalan 30 hingga Soalan 35**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul



30. M dalam rajah di atas ialah merujuk kepada sebab gugur hak _____.



31. N dalam rajah di atas ialah _____.

- Beliau dilahirkan pada bulan Rabiul awwal tahun 164 Hijrah / 780 Masehi.
- Digelar sebagai al-Hakim kerana menghafaz 700,000 hadis.
- Karyanya al-Musnad yang mengandungi 40,000 hadis

32. Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

33. Kitab _____ merupakan karya Ibnu Khaldun yang menobatkan beliau sebagai tokoh sarjana dan sejarawan yang mengatasi sejarawan sebelumnya seperti al-Tobari dan al-Mas'udi.

Mafhum hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhori :
 “Allah menghormati seseorang yang bertolak ansur ketika berjual beli dan ketika berurus”

34. Adab bermiaga yang disarankan dalam hadis di atas dapat mengelakkan berlakunya _____ antara penjual dan pembeli.

35. Antara dasar pentadbiran Khulafa' ar-Rasyidin iaialah khalifah mempunyai kuasa membuat keputusan berdasarkan pandangan Majlis Syura dan _____.

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Soalan 36 dan Soalan 37

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah berkaitan struktur organisasi Kerajaan Abbasiah.

Khalifah	Wazir	Ad-Dawawin
----------	-------	------------

36. Jabatan-jabatan yang berada dalam pengawasan al-Kuttab _____.
37. Perdana Menteri yang bertindak sebagai Ketua Pentadbir yang dibantu oleh menteri-menteri dan jabatan kerajaan. _____.

Soalan 38 hingga Soalan 40

Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan

Wajib	Sunat	Haram	Makruh	Harus
-------	-------	-------	--------	-------

38. Hukum membuat pembedahan plastik di muka bagi tujuan kecantikan atau kelihatan muda adalah _____ lebih
39. Pemimpin _____ memastikan syariat Islam dapat ditegakkan dan pentadbiran negara dijalankan berdasarkan syariat Islam.
40. Hukum penggunaan dadah sebagai campuran ubat-ubatan untuk menyelamatkan nyawa manusia ialah _____.

Bahagian B
[60 markah]

Jawab tiga soalan

Soalan 1, Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan daripada **soalan 3 atau soalan 4**.

- 1 (a) Riddah bermaksud berpaling atau keluar daripada agama Islam.
- (i) Nyatakan cara seseorang itu boleh menjadi murtad. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah hukuman bunuh terhadap orang yang murtad. [4 markah]
- Maksud sabda Rasulullah SAW:
“Sesiapa yang menukar agamanya (Islam) maka bunuhlah”.
- (iii) Berdasarkan hadis di atas, bagaimakah cara yang dapat dilakukan bagi menangani gejala ini daripada terus berleluasa dalam masyarakat. [4 markah]
- (b) Sejarah merakamkan bahawa golongan munafik yang diketuai Abdullah bin Saba' telah mencetuskan huru-hara pada zaman khalifah Uthman bin Affan.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan nifak. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** daripada ciri-ciri orang munafik. [2 markah]
- (c) Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah muncul setelah berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam.
- (i) Siapakah yang memasyhurkan nama Ahli Sunnah Wal Jamaah? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah [4 markah]
- 2 (a) Wajib haji ialah amalan yang wajib dilakukan oleh setiap orang yang mengerjakan ibadat haji.
- (i) Nyatakan dua perkara wajib haji [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua perbezaan rukun haji dengan perkara wajib haji. [4 markah]
- (b) Nyatakan **hukum dan alasan** bagi masalah berikut :
- (i) Rushdan mengerjakan haji tetapi tidak berada di Padang Arafah pada 11, 12, dan 13 Zulhijjah kerana dimasukkan ke hospital [2 markah]
- (ii) Fuddil menunaikan ibadat haji mengikut bapanya ketika berusia enam tahun. [2 markah]
- (c) Hukum melakukan ibadat qurban adalah sunat muakkad bagi orang Islam yang mampu dan wajib bagi yang bernazar.
- (i) Nyatakan pengertian qurban menurut syarak. [2 Markah]
- (ii) Jelaskan dua perkara sunat dilakukan semasa berqurban [2 markah]

- (d) Mengikut prosedur yang diamalkan di Malaysia, suami dan isteri yang ingin membuat tuntutan fasakh perlu mengemukakan borang permohonan.
- Nyatakan hukum isteri menuntut fasakh. **[2 Markah]**
 - Jelaskan sebab yang membolehkan isteri menuntut fasakh. **[2 Markah]**
 - Terangkan kesan perpisahan secara fasakh kepada suami dan isteri. **[2 Markah]**
- 3 (a) Khulafa' al-Rasyidin telah membuat beberapa pembaharuan dan dasar dalam sistem pentadbiran negara. Nyatakan **dua** daripada dasar tersebut. **[2 markah]**
- (b) Kekuatan ekonomi Kerajaan Bani Umayyah banyak bergantung kepada pertanian dan perdagangan. Antara hasil negara yang diperolehi adalah daripada kharaj.
- Berikan **dua** sumber lain selain daripada kharaj. **[2 markah]**
 - Nyatakan usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi negara. **[2markah]**
- (c) Syeikh Muhammad Abdurrahman banyak mengambil inspirasi daripada gerakan islah yang dibawa oleh gurunya As-Sayyid Jamaluddin al-Afghani.
- Jelaskan saranan beliau dalam aspek akidah umat Islam. **[2 markah]**
 - Senaraikan **dua** karya bermutu beliau yang menjadi rujukan dalam dunia Islam. **[2 markah]**
- (d) Rasulullah s.a.w. adalah manusia pilihan dan paling mulia di sisi Allah s.w.t.
- Nyatakan **dua** cara untuk memuliakan Rasulullah s.a.w. **[2 markah]**
 - Terangkan **dua** hikmah beradab dengan Rasulullah s.a.w. **[4 markah]**



- (iii) Sebagai umat Islam, bagaimakah pandemik Covid-19 ini dapat mendekatkan diri anda kepada sunnah Rasulullah s.a.w., haraikan. **[4 markah]**
- 4 (a) Perkembangan ilmu pengetahuan pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah lebih pesat berbanding dengan kerajaan Bani Umayyah.
- Nyatakan **dua** faktor utama perkembangan ilmu pengetahuan pada zaman tersebut. **[2 markah]**
 - Antara institusi pendidikan pada zaman tersebut ialah masjid. Berikan **dua** lagi institusi pendidikan yang lain. **[2 markah]**
 - Nyatakan kesan perkembangan ilmu pada zaman tersebut. **[2 markah]**
- (b) Imam Bukhari telah memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam terutamanya dalam bidang hadis.
- Jelaskan syarat yang dikenakan oleh beliau untuk menentukan sesebuah hadis itu adalah sahih. **[2 Markah]**

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SULIT

- (ii) Senaraikan **dua** karya beliau yang menjadi rujukan oleh umat Islam. **[2 Markah]**
- (c) Sedekah dan hadiah adalah satu amalan yang dapat mendekatkan diri kepada Allah dan sesama manusia.
- (i) Nyatakan **dua** kelebihan memberi hadiah dan sedekah. **[2 Markah]**
- (ii) Terangkan **dua** adab dalam memberi hadiah dan sedekah. **[4 Markah]**



- (iii) Pandemik Covid-19 telah memberi ruang kepada ramai para penyumbang untuk menginfakkan sebahagian harta mereka kepada golongan yang memerlukan. Bincangkan jika mereka tidak berbuat demikian. **[4 Markah]**

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah]

SULIT